



## UMP raih dua pingat Projek Kesukarelaan Terbaik VSCORE

Oleh: MOHD. RAIZALHILMY MOHD. RAIS DAN AZLINA ABD. MUBIN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) berjaya meraih dua pingat bagi projek kesukarelaan terbaik pada Seminar Perkongsian Projek Kesukarelaan dan Program Tanggungjawab Sosial Universiti 2015 (VSCORE) yang berlangsung pada di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kangar, Perlis pada 22 Ogos 2015 yang lalu.

Projek UMP-Cambodia: *We Love We Care* berjaya meraih pingat emas manakala Projek Pengurusan Benjana Banjir UMP pula meraih pingat perak dalam pertandingan sempena penganjuran Seminar VSCORE melibatkan kerjasama Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI) dengan Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (POTENSI) UniMAP.

Dalam pertandingan ini sebanyak 13 projek dipersembahkan dan diadili oleh tiga panel yang berpengalaman iaitu Penerbit BersamaMU TV3, Hajjah Mazlin Nordin, Editor Utusan Malaysia, Wahid Hashim dan Mohd Nazim Mohd Noor dari Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs).

Menurut Pemangku Presiden, Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UMP (PPTI), Mohd. Raizalhilmy Mohd. Rais, program yang julung kali diadakan itu bertujuan untuk berkongsi amalan terbaik projek-projek

kesukarelaan yang pernah dianjurkan oleh semua Universiti Awam (UA) dan beberapa pihak korporat, NGO dan agensi kerajaan serta mewujudkan kerjasama pintar dalam menguruskan program tanggungjawab sosial.

Beliau yang juga merupakan Timbalan Presiden MASTI menjelaskan UA banyak memainkan peranan khususnya dalam aspek menggerakkan modal insan sebagai sukarelawan dan keperluan logistik dalam melaksanakan tanggungjawab sosial di peringkat universiti masing-masing.

“Ia termasuklah dalam menyokong usaha universiti dalam menggiatkan program *My Community* UMP yang dapat memberi impak terhadap masyarakat.

“Projek UMP-Cambodia: *We Love We Care* merupakan program yang mula dilaksanakan sejak tiga tahun lalu merupakan program misi kemanusiaan universiti ini yang dijalankan di Kemboja sebanyak tiga siri.

“Sebanyak 13 projek pembangunan dilaksanakan secara bersiri merangkumi pembinaan tandas madrasah, mengecat bangunan masjid, pembinaan jalan, ruang memasak, ruang makan, dan sebagainya. Manakala tumpuan modul pembangunan setiap siri



menumpukan kepada modul pendidikan, modul kesihatan dan modul pembangunan fizikal,” katanya yang menjelaskan projek ini pernah terpilih bagi pembentangan semasa dalam Persidangan dan Expo NAFSA Annual Conference & Expo di Amerika Syarikat pada tahun lalu. Pada kali ini pembentangan disampaikan Azlina Abd. Mubin, Halizan Mahmood dan Mohd Ferdaus Musa dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA).

Selain itu, Projek Perkongsian Pengurusan Benjana Banjir UMP pula turut dikongsi bersama peserta seminar mengenai pengalaman UMP menguruskan bencana banjir yang melanda Pantai Timur khususnya di Pahang pada tahun 2013 dan 2014 merangkumi aspek pengurusan sukarelawan, pengurusan kebajikan, pengurusan sumbangan dan penyelarasan maklumat mangsa banjir.

Dalam pada itu turut berlangsung program kesukarelaan di Dun Simpang Empat, Perlis. Antara aktiviti yang dijalankan adalah perlawanan Amal Bola Sepak Persahabatan dan Bola Jaring bersama Artis, Pertandingan Mewarna Kreatif KEMAS, penyampaian sumbangan dari rumah ke rumah, Kembara Jalur Gemilang, sesi pemeriksaan

kesihatan serta membina dan membaiki rumah daif yang terpilih.

Program yang diadakan bersempena sambutan kemerdekaan ke-58 itu juga turut diserikan dengan keberangkatan DYTU Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis merangkap Canselor UniMAP serta Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Muda Puan Perlis merangkap Pro-Canselor UniMAP.

Hadir sama Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Profesor Dr. Kamarudin Hussin, Mufti Perlis, Sahibus Samahah Profesor Madya Dato’ Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, Presiden MASTI, Azri Hohad serta wakil-wakil pentadbir UA.

Lebih bermakna lagi apabila DYTU Raja Muda Perlis turut bersama-sama dengan 50 petugas MAIPs dan warga MASTI dalam Program Kayuhan Merdeka dengan jarak perjalanan hampir 15 kilometer manakala Raja Muda Puan Perlis pula berkenan berarak sejauh 3.7 kilometer bersama kira-kira 500 orang terdiri daripada ahli MASTI dan pelajar UniMAP serta berkenan menyampaikan sumbangan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) kepada 10 orang asnaf dari daerah Simpang Empat.